



13 Mac 2023
13 March 2023
P.U. (A) 65

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN (SKALA KADAR, DIUS DAN CAJ) 2023

KUANTAN PORT AUTHORITY (SCALE OF RATES, DUES AND CHARGES) BY-LAWS 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN
(SKALA KADAR, DIUS DAN CAJ) 2023

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

CAJ AKAUN KAPAL

3. Jenis caj
4. Dius pelabuhan
5. Caj marin disatukan
6. Caj pemaliman
7. Caj tempahan lewat pemaliman
8. Caj penahanan malim
9. Caj bot tunda
10. Caj tempahan lewat bot tunda
11. Caj penahanan bot tunda
12. Caj tempahan lewat perkhidmatan tambatan
13. Caj dermaga
14. Caj am
15. Caj pemungkah kargo
16. Caj tempahan lewat perkhidmatan pemungkah kargo

Undang-
undang
kecil

17. Caj tunggu sedia pemungkah kargo
18. Caj pengalihan dan penempatan semula bagi kargo am dan pukal kering
19. Caj kargo pindah kapal
20. Caj penumpang
21. Caj kapal *roll-on roll off*

BAHAGIAN III

CAJ AKAUN PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

22. Jenis caj
23. Caj pengendalian bagi kargo am dan pukal
24. Caj sewaan kren pelabuhan bagi kargo am
25. Caj penyimpanan bagi kargo am dan pukal kering

BAHAGIAN IV

CAJ AKAUN KAPAL, PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

26. Jenis caj
27. Caj pengendalian kontena
28. Caj pengalihan dan penempatan semula kontena
29. Caj membuka dan menutup petak
30. Caj pergerakan tambahan kontena
31. Caj penyimpanan kontena
32. Caj kontena eksport ditinggalkan kapal
33. Caj penukaran status
34. Caj perkhidmatan kontena sejuk
35. Caj lewat kontena memasuki pintu Pelabuhan
36. Caj permintaan bagi pengisian atau pengeluaran segera kontena

BAHAGIAN V

CAJ AM

Undang-
undang
kecil

- 37. Jenis caj
- 38. Caj bekalan air
- 39. Caj jambatan timbang

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

- 40. Pembayaran caj
- 41. Pengiraan ukuran dan berat
- 42. Caj terkurang
- 43. Caj berlebihan
- 44. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN
(SKALA KADAR, DIUS DAN CAJ) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16, 17A dan 29 Akta Lembaga Pelabuhan 1963 [*Akta 488*], Lembaga Pelabuhan Kuantan, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kuantan (Skala Kadar, Dius dan Caj) 2023**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2023.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bungkusan berat” ertinya apa-apa bungkusan atau kargo yang melebihi dua setengah tan bagi setiap unit;

“ditinggalkan kapal” berhubung dengan suatu kargo atau kontena, ertinya tidak dibawa dalam pelayaran kapal yang diniatkan bagi kargo atau kontena itu;

“kargo” termasuklah ternakan, galian, barang-barang dan dagangan setiap perihalan;

“kargo pindah kapal” ertinya kargo yang mendarat dari suatu kapal dan ditempatkan dalam jagaan Lembaga bagi maksud pengiriman ke atas kapal lain di bawah bil muatan yang ditarik di pelabuhan kargo itu dimuatkan dan menunjukkan bahawa

destinasi kargo adalah melalui Pelabuhan Kuantan, dan destinasi pelabuhan terakhir hendaklah suatu pelabuhan selain Pelabuhan Kuantan ditandakan pada setiap bungkusan atau unit yang mengandungi kargo itu dan diisytiharkan kepada Lembaga sebelum atau pada masa kargo itu diletakkan dalam jagaan Lembaga itu;

“kargo yang dipaletkan” ertinya kargo dalam bungkusan atau unit kecil yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama dan ditempatkan di atas suatu palet;

“kargo yang diunitkan” ertinya kargo dalam bungkusan atau unit kecil yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama sebagai suatu unit tunggal;

“KMK” ertinya Kontena Muatan Kurang sebagaimana yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan atau penyata terdahulu eksport yang dikemukakan kepada Lembaga sebelum memuat atau memunggah kargo ke atas suatu kapal;

“KMP” ertinya Kontena Muatan Penuh sebagaimana yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan atau penyata terdahulu eksport yang dikemukakan kepada Lembaga sebelum memuat atau memunggah kargo ke atas suatu kapal;

“kontena DLU” ertinya kontena dimensi luar ukuran yang di luar saiz standard ISO kerana membawa apa-apa kargo yang bersaiz melebihi dimensi kontena itu;

“kumpulan” ertinya suatu kumpulan pekerja yang bekerja di dalam satu petak kapal atau sesuatu kawasan untuk mengendalikan operasi yang berkaitan;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pelabuhan Kuantan;

“palet” ertinya suatu peranti di atas dek yang baginya suatu kuantiti kargo boleh dihipunkan untuk dijadikan satu unit muatan bagi maksud penghantaran kargo itu atau pengendalian dan penyusunan kargo itu dengan bantuan perkakas mekanikal dan dibuat daripada dua dek yang dipisahkan oleh halangan atau satu dek yang disokong oleh kaki;

“Pelabuhan” ertinya Pelabuhan Kuantan dalam had kawasan yang diisytiharkan di bawah seksyen 6 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord. 70/1952*];

“PK” ertinya panjang keseluruhan sesuatu kapal yang diukur dari titik paling hadapan kapal itu ke titik paling belakang kapal itu;

“SBK” ertinya Stesen Barangan Kontena di dalam premis Pelabuhan;

“tempoh penyimpanan percuma” ertinya tempoh tertentu bagi sesuatu kargo atau kontena memenuhi ruang yang diberikan kepadanya di dalam premis Pelabuhan tanpa apa-apa caj penyimpanan;

“syif” ertinya tiga waktu bekerja dalam satu hari seperti yang berikut:

- (a) syif pertama: dari 8.01 pagi sehingga 4.00 petang hari yang sama;
- (b) syif kedua: dari 4.01 petang sehingga 12.00 tengah malam hari yang sama; dan
- (c) syif ketiga: dari 12.01 pagi sehingga 8.00 pagi hari yang berikutnya;

“tan” ertinya satu tan metrik yang bersamaan dengan satu ribu kilogram atau satu meter padu;

“TK” ertinya tanan kasar suatu kapal yang diukur mengikut Konvensyen Antarabangsa Pengiraan Tanan Kapal 1982;

“transaksi” termasuklah semua perkhidmatan yang diberikan, dibekalkan atau disediakan oleh Lembaga atau penggunaan kemudahan Lembaga oleh pengguna pelabuhan.

BAHAGIAN II
CAJ AKAUN KAPAL

Jenis caj

3. (1) Lembaga boleh mengenakan ke atas pengguna pelabuhan jenis caj yang berikut:

- (a) dius pelabuhan;
- (b) caj marin disatukan;
- (c) caj pemaliman;
- (d) caj tempahan lewat pemaliman;
- (e) caj penahanan malim;
- (f) caj bot tunda;
- (g) caj tempahan lewat bot tunda;
- (h) caj penahanan bot tunda;
- (i) caj tempahan lewat perkhidmatan tambatan;
- (j) caj dermaga;
- (k) caj am;
- (l) caj pemungkah kargo;
- (m) caj tempahan lewat perkhidmatan pemungkah kargo;

- (n) caj tunggu sedia pemungkah kargo;
- (o) caj pengalihan dan penempatan semula bagi kargo am dan pukal kering;
- (p) caj kargo pindah kapal;
- (q) caj penumpang; dan
- (r) caj kapal *roll-on roll-off*.

(2) Caj yang dikenakan dalam perenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun pekapal.

Dius pelabuhan

4. (1) Pengguna pelabuhan hendaklah membayar dius pelabuhan kepada Lembaga bagi setiap kapal yang memasuki Pelabuhan bagi apa-apa maksud pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama.

(2) Walau apa pun perenggan (1), kapal yang berikut dikecualikan daripada membayar dius pelabuhan:

- (a) kapal kepunyaan Kerajaan Malaysia;
- (b) kapal yang singgah di Pelabuhan bagi maksud kecemasan, dengan syarat bahawa tiada kargo yang dimuatkan atau dipunggah dan tiada bekalan air atau bekalan minyak yang diambil;
- (c) kapal kepunyaan Lembaga atau dalam perkhidmatannya;
- (d) kapal yang singgah di Pelabuhan bagi maksud memuat atau memunggah kargo atau bahan untuk kegunaan Lembaga sendiri;

(e) kapal yang digunakan bagi kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan yang dibiayai oleh Lembaga; dan

(f) kapal di bawah tujuh puluh lima TK.

Caj marin disatukan

5. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj marin disatukan kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Pertama berhubung dengan kapal yang tiba di Pelabuhan dan berlepas dari Pelabuhan untuk perkhidmatan yang berikut:

(a) perkhidmatan pemaliman dari stesen naik malim ke mana-mana tempat berlabuh;

(b) perkhidmatan pemaliman dari mana-mana tempat berlabuh ke stesen naik malim;

(c) perkhidmatan bot tunda semasa kapal menghimpit atau meninggalkan himpitan; dan

(d) perkhidmatan tambatan semasa kapal menghimpit atau meninggalkan himpitan.

Caj pemaliman

6. Pengguna pelabuhan yang memohon perkhidmatan pemaliman selain perkhidmatan pemaliman yang diperuntukkan di bawah subperenggan 5(a) dan (b) bagi pergerakan di dalam daerah pemaliman hendaklah membayar caj pemaliman kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Pertama.

Caj tempahan lewat pemaliman

7. Pengguna pelabuhan yang membuat permintaan, perubahan atau pembatalan pemaliman kurang daripada dua jam sebelum ketibaan, penganjakan atau perlepasan sesuatu kapal di dalam daerah pemaliman hendaklah membayar caj tempahan lewat pemaliman kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan

dalam Bahagian 4 Jadual Pertama.

Caj penahanan malim

8. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan malim kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Pertama jika kapal tidak bergerak mengikut masa tempahan malim.

Caj bot tunda

9. Pengguna pelabuhan yang memohon bagi perkhidmatan bot tunda selain perkhidmatan bot tunda yang diperuntukkan di bawah subperenggan 5(c) hendaklah membayar caj bot tunda kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Pertama.

Caj tempahan lewat bot tunda

10. Pengguna pelabuhan yang membuat permintaan, perubahan atau pembatalan tempahan bot tunda kurang daripada dua jam sebelum ketibaan, penganjakan atau perlepasan sesuatu kapal di dalam daerah pemaliman hendaklah membayar caj tempahan lewat bot tunda kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Pertama.

Caj penahanan bot tunda

11. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan bot tunda kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 8 Jadual Pertama jika kapal tidak bergerak mengikut masa tempahan bot tunda.

Caj tempahan lewat perkhidmatan tambatan

12. Pengguna pelabuhan yang membuat permintaan, perubahan atau pembatalan perkhidmatan tambatan kurang daripada dua jam sebelum ketibaan atau perlepasan sesuatu kapal di dalam daerah pemaliman hendaklah membayar caj tempahan lewat perkhidmatan tambatan kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 9 Jadual Pertama.

Caj dermaga

13. (1) Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj dermaga kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Pertama.

(2) Bagi tongkang yang menghimpit di tempat berlabuh, pengguna Pelabuhan hendaklah membayar caj dermaga kepada Lembaga mengikut jenis kargo yang dibawa oleh tongkang tersebut pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Pertama.

(3) Bagi apa-apa jenis kapal yang menghimpit di tempat berlabuh yang tidak dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Pertama, pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj dermaga kepada Lembaga pada kadar kapal kargo am sebagaimana yang dinyatakan di butiran 1 Bahagian 10 Jadual Pertama.

Caj am

14. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj am kepada Lembaga bagi memuat atau memunggah apa-apa kargo pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 11 Jadual Pertama.

Caj pemunggah kargo

15. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pemunggah kargo kepada Lembaga berhubung dengan perkhidmatan pemunggah kargo bagi memuat atau memunggah kargo ke atas atau dari kapal pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 12 Jadual Pertama.

Caj tempahan lewat perkhidmatan pemunggah kargo

16. (1) Pengguna pelabuhan hendaklah membuat permintaan bagi perkhidmatan pemunggah kargo mengikut syif bekerja seperti yang berikut:

- (a) permintaan bagi syif pertama hendaklah dibuat kepada Lembaga tidak lewat daripada 10.00 pagi sehari sebelum perkhidmatan itu dikehendaki;

- (b) permintaan bagi syif kedua dan syif ketiga hendaklah dibuat kepada Lembaga tidak lewat daripada 10.00 pagi pada hari yang sama perkhidmatan itu dikehendaki; atau
- (c) bagi hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am yang diwartakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang, permintaan kepada Lembaga bagi perkhidmatan pemungghah kargo bagi syif pertama, kedua dan ketiga hendaklah dibuat tidak lewat daripada 10.00 pagi sebelum hari bekerja terakhir pejabat, sehari sebelum hari yang mana perkhidmatan itu dikehendaki.

(2) Sekiranya tempahan perkhidmatan pemungghah kargo dibuat melebihi tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1), pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj tempahan lewat perkhidmatan pemungghah kargo kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1 Bahagian 13 Jadual Pertama.

(3) Pengguna pelabuhan yang membuat apa-apa perubahan atau pembatalan tempahan perkhidmatan pemungghah kargo kurang daripada empat jam sebelum perkhidmatan pemungghah kargo itu dikehendaki hendaklah membayar caj tempahan lewat perkhidmatan pemungghah kargo kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 2 Bahagian 13 Jadual Pertama.

Caj tunggu sedia pemungghah kargo

17. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj tunggu sedia pemungghah kargo kepada Lembaga bagi pemungghah kargo yang ditempah tetapi pemungghah kargo tidak bekerja melainkan jika disebabkan oleh hujan pada kadar yang dinyatakan pada Bahagian 14 Jadual Pertama.

Caj pengalihan dan penempatan semula bagi kargo am dan pukal kering

18. (1) Pengguna pelabuhan hendaklah membayar kepada Lembaga bagi pengalihan dan penempatan semula kargo am dan pukal kering di atas kapal pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 15 Jadual Pertama.

(2) Pengguna pelabuhan hendaklah membayar kepada Lembaga bagi pengalihan dan penempatan semula apa-apa kargo am dan pukal kering di dalam kapal ke atas dermaga dan menempatkan semula kargo ke atas kapal yang sama pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 3 Bahagian 15 Jadual Pertama dan dalam ruangan ketiga Bahagian 1 Jadual Kedua.

Caj kargo pindah kapal

19. (1) Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj kargo pindah kapal kepada Lembaga bagi penerimaan suatu kargo pindah kapal ke dalam tempat penyimpanan atau bagi pengiriman semula ke dalam kapal lain pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 16 Jadual Pertama.

(2) Caj kargo pindah kapal tidak terpakai bagi suatu kargo bahaya di bawah Kelas I, II dan III Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kuantan 1980 [*P.U. (A) 207/1980*], jubin cerai, kenderaan bermotor, kargo pukal, kargo berat, kayu balak dan kayu log.

Caj penumpang

20. Seseorang penumpang termasuk penumpang dalam transit hendaklah membayar caj penumpang kepada Lembaga bagi menaiki atau menuruni sesuatu kapal di dermaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 17 Jadual Pertama.

Caj kapal *roll-on roll-off*

21. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj kapal *roll-on roll-off* kepada Lembaga untuk memuat atau memunggah apa-apa kenderaan menggunakan kapal *roll-on roll-off* pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 18 Jadual Pertama.

BAHAGIAN III
CAJ AKAUN PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

Jenis caj

22. (1) Lembaga boleh mengenakan ke atas pengguna pelabuhan jenis caj yang berikut:

- (a) caj pengendalian bagi kargo am dan pukal;
- (b) caj sewaan kren pelabuhan bagi kargo am; dan
- (c) caj penyimpanan bagi kargo am dan pukal kering.

(2) Caj yang dikenakan dalam perenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun pekapal atau penerima konsain.

Caj pengendalian bagi kargo am dan pukal

23. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian bagi kargo am dan pukal kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Kedua.

Caj sewaan kren pelabuhan bagi kargo am

24. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj sewaan kren pelabuhan bagi kargo am kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Kedua.

Caj penyimpanan bagi kargo am dan pukal kering

25. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan kepada Lembaga berhubung dengan—

- (a) penyimpanan kargo am import di tempat penyimpanan dan penyimpanan kargo am atau pukal kering yang dikeluarkan dari dalam KMK import di SBK pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Kedua dengan tempoh penyimpanan percuma selama tiga hari;

- (b) penyimpanan kargo am eksport di tempat penyimpanan dan penyimpanan kargo am atau pukal kering yang akan diisikan ke dalam KMK eksport di SBK pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Kedua dengan tempoh penyimpanan percuma selama empat belas hari;
- (c) penyimpanan kargo pukal kering import atau eksport di tempat penyimpanan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Kedua dengan tempoh penyimpanan percuma selama empat belas hari;
- (d) penyimpanan kargo am atau pukal kering yang ditinggalkan kapal dan berhubung dengan pengendalian memuat atau memunggah kargo am atau pukal kering terus di dermaga yang memerlukan tempat penyimpanan sementara di Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Kedua dan tidak berhak ke atas sebarang tempoh penyimpanan percuma; dan
- (e) penyimpanan kargo am atau pukal kering pindah kapal di tempat penyimpanan dan kargo am atau pukal kering pindah kapal yang diterima dan disimpan di SBK bagi mengisi kargo ke dalam kontena pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Kedua dengan tempoh penyimpanan percuma selama dua puluh satu hari.

BAHAGIAN IV

CAJ AKAUN KAPAL, PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

Jenis caj

26. (1) Lembaga boleh mengenakan ke atas pengguna pelabuhan jenis caj yang berikut:

- (a) caj pengendalian kontena;

- (b) caj pengalihan dan penempatan semula kontena;
- (c) caj membuka dan menutup petak;
- (d) caj pergerakan tambahan kontena;
- (e) caj penyimpanan kontena;
- (f) caj kontena eksport ditinggalkan kapal;
- (g) caj penukaran status;
- (h) caj perkhidmatan kontena sejuk;
- (i) caj lewat kontena memasuki pintu Pelabuhan; dan
- (j) caj permintaan bagi pengisian atau pengeluaran segera kontena.

(2) Caj yang dikenakan dalam perenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun kapal, pekapal atau penerima konsain.

Caj pengendalian kontena

27. (1) Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian kontena kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Ketiga.

(2) Jika kontena pindah kapal tidak dipindah kapal dalam tempoh penyimpanan percuma, hak untuk status pindah kapal akan dibatalkan dan caj pengendalian kontena adalah tertakluk pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1 Bahagian 1 Jadual Ketiga.

Caj pengalihan dan penempatan semula kontena

28. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengalihan dan penempatan semula kontena kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan

dalam Bahagian 2 Jadual Ketiga.

Caj membuka dan menutup petak

29. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj membuka dan menutup petak kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Ketiga.

Caj pergerakan tambahan kontena

30. Pengguna pelabuhan yang memohon untuk mengalih kontena di tempat penyimpanan kontena hendaklah membayar caj pergerakan tambahan kontena kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Ketiga.

Caj penyimpanan kontena

31. (1) Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan kontena bagi penyimpanan kontena di tempat penyimpanan kontena kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Ketiga.

(2) Walau apa pun perenggan (1), tempoh penyimpanan percuma diberikan kepada—

- (a) semua kontena import yang tidak termasuk kontena pindah kapal untuk tiga hari;
- (b) semua kontena eksport yang tidak termasuk kontena pindah kapal untuk empat belas hari; dan
- (c) semua kontena pindah kapal untuk dua puluh satu hari.

(3) Jika status kontena pindah kapal dibatalkan, kontena tersebut hendaklah dikenakan caj penyimpanan sebagaimana yang dinyatakan dalam subbutiran 1(a) Bahagian 5 Jadual Ketiga.

(4) Jika muatan kontena dengan status KMP atau KMK dikeluarkan dan disimpan sebagai kontena kosong di dalam tempat penyimpanan kontena,

kontena tersebut hendaklah dikenakan caj penyimpanan pada kadar yang dinyatakan dalam subbutiran 1(b) Bahagian 5 Jadual Ketiga.

Caj kontena eksport ditinggalkan kapal

32. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj kontena eksport ditinggalkan kapal kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Ketiga.

Caj penukaran status

33. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penukaran status kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Ketiga bagi penukaran status KMP ke KMK atau sebaliknya atau penukaran kapal dari suatu kapal ke kapal yang lain bagi kontena eksport.

Caj perkhidmatan kontena sejuk

34. Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan kontena sejuk kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 8 Jadual Ketiga.

Caj kontena lewat memasuki pintu Pelabuhan

35. Pengguna pelabuhan yang menghantar kontena ke dalam tempat penyimpanan kontena kurang daripada empat jam sebelum ketibaan kapal hendaklah membayar caj kontena lewat memasuki pintu Pelabuhan kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 9 Jadual Ketiga.

Caj permintaan bagi pengisian atau pengeluaran segera kontena

36. Pengguna pelabuhan yang membuat permintaan untuk pengisian atau pengeluaran isi kontena di SBK kurang daripada dua puluh empat jam sebelum pengisian atau pengeluaran isi kontena hendaklah membayar caj permintaan bagi pengisian atau pengeluaran segera kontena kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Ketiga.

BAHAGIAN V

CAJ AM

Jenis caj

37. (1) Lembaga boleh mengenakan ke atas pengguna pelabuhan jenis caj am yang berikut:

(a) caj bekalan air; dan

(b) caj jambatan timbang.

(2) Caj yang dikenakan dalam perenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun kapal, pekapal atau penerima konsain.

Caj bekalan air

38. (1) Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj bekalan air ke kapal kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1 dan 2 Bahagian 1 Jadual Keempat.

(2) Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj lewat permintaan bagi bekalan air kepada Lembaga, jika permintaan diterima kurang daripada dua belas jam dari tempoh bekalan air diperlukan, pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 3 Bahagian 1 Jadual Keempat.

(3) Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pembatalan bagi bekalan air ke kapal kepada Lembaga, bagi pembatalan kurang daripada empat jam dari masa bekalan air diperlukan, pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 4 Bahagian 1 Jadual Keempat.

Caj jambatan timbang

39. (1) Pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj jambatan timbang kepada Lembaga bagi perkhidmatan menimbang kenderaan atau jentera yang disediakan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Keempat.

(2) Caj jambatan timbang yang dinyatakan dalam perenggan (1) tidak termasuk kenderaan yang membawa kargo pukal kering dan kontena bagi tujuan memunggah kargo dari suatu kapal ke suatu tempat simpanan atau sebaliknya.

BAHAGIAN VI PELBAGAI

Pembayaran caj

40. (1) Pengguna pelabuhan yang bukan pemegang akaun lejar atau akaun kredit yang lain hendaklah membayar semua caj secara tunai.

(2) Walau apa pun perenggan (1), pembayaran melalui cek boleh dibuat dengan kelulusan Lembaga terlebih dahulu.

(3) Jika kemudahan kredit disediakan oleh Lembaga kepada pengguna pelabuhan, jumlah tertunggak yang berkenaan dengan kemudahan kredit yang diberikan hendaklah dijelaskan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh invois.

(4) Jumlah tertunggak yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (3) hendaklah tertakluk kepada surcaj sebanyak lima peratus jika jumlah tertunggak itu tidak dijelaskan dalam tempoh tiga puluh hari atau sebahagiannya selepas tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (3).

(5) Jumlah tertunggak dalam perenggan (4) yang tidak dijelaskan selepas tempoh enam puluh hari dari tarikh invois hendaklah tertakluk kepada surcaj tambahan sebanyak satu setengah peratus bagi setiap bulan sehingga ia dijelaskan.

(6) Jumlah tertunggak yang disebut dalam perenggan (5) tidak termasuk jumlah disurcaj.

Pengiraan ukuran dan berat

41. (1) Lembaga hendaklah menentukan tan sesuatu kargo mengikut ukuran padu atau berat kasar kargo itu, yang mana lebih tinggi.

(2) Dalam hal berat kasar kargo tidak boleh ditentukan, Lembaga boleh mengenakan caj berdasarkan tan yang dipastikan dengan ukuran padu kargo, dan begitu juga sebaliknya.

(3) Dalam hal kapal dengan dua tanan atau kapal yang mempunyai dek pelindung terbuka atau tertutup, tanan yang lebih tinggi hendaklah disifatkan sebagai TK kapal itu.

(4) Bagi maksud pengiraan caj, pecahan bagi suatu tan hendaklah dicaj seperti yang berikut:

(a) sehingga 0.5 tan hendaklah dicaj sebagai 0.5 tan; dan

(b) lebih daripada 0.5 tan hendaklah dicaj sebagai satu tan.

Caj terkurang

42. (1) Lembaga boleh memungut apa-apa amaun yang dipastikan telah dicaj terkurang atau yang sebaliknya didapati perlu dibayar.

(2) Lembaga hendaklah menuntut pembayaran jumlah tersebut di bawah perenggan (1) secara bertulis dalam tempoh enam bulan dari tarikh transaksi itu.

Caj berlebihan

43. (1) Mana-mana pengguna pelabuhan yang telah dikenakan caj berlebihan oleh Lembaga boleh menuntut secara bertulis bagi bayaran balik terlebih caj itu jika—

(a) pengguna pelabuhan menuntut daripada Lembaga caj berlebihan secara bertulis dalam tempoh enam bulan dari tarikh invois dikeluarkan; dan

(b) dalam hal mana-mana kargo, pengguna pelabuhan telah mempertikaikan ukuran atau berat kargo tersebut pada masa kargo tersebut diukur atau ditimbang.

(2) Pengguna pelabuhan yang menuntut bayaran balik apa-apa caj berlebihan hendaklah memberikan maklumat penuh yang disokong oleh apa-apa bukti dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

Pembatalan

44. Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kuantan (Skala Caj) 2011 [P.U. (A) 65/2011] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

CAJ AKAUN KAPAL

BAHAGIAN 1

DIUS PELABUHAN

[Perenggan 4(1)]

Butiran	TK kapal	Bagi setiap TK atau sebahagian daripadanya bagi setiap kemasukan yang tidak melebihi 240 jam (RM)
1	Bagi setiap kapal yang memasuki Pelabuhan bagi apa-apa maksud— (a) melebihi 75 TK sehingga 15,000 TK (b) melebihi 15,000 TK sehingga 45,000 TK (c) melebihi 45,000 TK	0.20 0.35 0.50
Butiran	TK kapal	Bagi setiap TK atau sebahagian daripadanya bagi setiap kemasukan yang melebihi 240 jam (RM)
2	Bagi setiap kapal yang memasuki Pelabuhan bagi apa-apa maksud sebagai tambahan kepada caj yang perlu dibayar dalam butiran 1— (a) melebihi 75 TK sehingga 15,000 TK (b) melebihi 15,000 TK sehingga 45,000 TK (c) melebihi 45,000 TK	0.10 0.20 0.25

BAHAGIAN 2

CAJ MARIN DISATUKAN

[Undang-undang kecil 5]

Butiran	PK kapal	Pergerakan kapal masuk/keluar Pelabuhan (RM)
1	Sehingga 100 meter	2,500.00
2	Melebihi 100 meter sehingga 145 meter	3,100.00
3	Melebihi 145 meter sehingga 185 meter	6,600.00
4	Melebihi 185 meter sehingga 225 meter	9,700.00
5	Melebihi 225 meter sehingga 260 meter	19,700.00
6	261 meter	29,700.00 (29,700.00 dan dengan tambahan 20.00 bagi setiap meter atau sebahagian daripadanya)

BAHAGIAN 3

CAJ PEMALIMAN

[Undang-undang kecil 6]

PK kapal	Bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya (RM)
Sehingga 100 meter	100.00 (100.00 dan dengan tambahan 6.00 bagi setiap meter atau sebahagian daripadanya)

BAHAGIAN 4

CAJ TEMPAHAN LEWAT PEMALIMAN

[Undang-undang kecil 7]

Perihal	(RM)
Permintaan, perubahan atau pembatalan tempahan pemaliman kurang daripada dua jam	200.00

BAHAGIAN 5

CAJ PENAHANAN MALIM

[Undang-undang kecil 8]

Perihal	Bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya (RM)
Penahanan malim	100.00

BAHAGIAN 6

CAJ BOT TUNDA

[Undang-undang kecil 9]

PK kapal	Bagi setiap bot tunda bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya (RM)
Sehingga 100 meter	400.00 (400.00 dan dengan tambahan 6.00 bagi setiap meter atau sebahagian daripadanya)

BAHAGIAN 7

CAJ TEMPAHAN LEWAT BOT TUNDA

[Undang-undang kecil 10]

Perihal	Bagi setiap bot tunda (RM)
Permintaan, perubahan atau pembatalan tempahan bot tunda kurang daripada dua jam	800.00

BAHAGIAN 8

CAJ PENAHANAN BOT TUNDA

[Undang-undang kecil 11]

Perihal	Bagi setiap bot tunda bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya (RM)
Penahanan bot tunda	400.00

BAHAGIAN 9

CAJ TEMPAHAN LEWAT PERKHIDMATAN TAMBATAN

[Undang-undang kecil 12]

Perihal	(RM)
Permintaan, perubahan atau pembatalan perkhidmatan tambatan kurang daripada dua jam	100.00

BAHAGIAN 10

CAJ DERMAGA

[Undang-undang kecil 13]

Butiran	Jenis kapal	Bagi setiap P.K setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)
1	Kapal kargo am	1.30
2	Kapal kargo cecair	3.50
3	Kapal pukal kering	2.50
4	Kapal kontena dan <i>roll-on roll off</i>	1.30
5	Kapal penumpang	2.50
6	Kapal tentera asing	5.00
7	Kapal Kerajaan Malaysia	1.00

BAHAGIAN 11

CAJ AM

[Undang-undang kecil 14]

Caj am	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
Bagi apa-apa kargo yang dimuatkan atau dipunggah	1.20

BAHAGIAN 12

CAJ PEMUNGGAH KARGO

[Undang-undang kecil 15]

Butiran	Jenis kargo	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
1	Kargo am yang dipaletkan atau diunitkan	6.00
2	Kargo am tidak dipaletkan atau tidak diunitkan	7.00
3	Kargo am dalam drum atau beg	9.00
4	Kargo bahaya	
	(a) Kelas I and Kelas II	14.00
	(b) Kelas III	9.50
5	Paip	
	(a) Ukur lilit sehingga 24 inci	5.70
	(b) Ukur lilit melebihi 24 inci	6.50
6	Bungkusan berat	5.70

BAHAGIAN 13

CAJ TEMPAHAN LEWAT PERKHIDMATAN PEMUNGGAH KARGO

[Perenggan 16(2) dan (3)]

Butiran	Perihal	Bagi setiap kumpulan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)
1	Tempahan lewat untuk perkhidmatan pemungga kargo	50.00
2	Perubahan atau pembatalan tempahan perkhidmatan pemungga kargo kurang daripada empat jam	150.00

BAHAGIAN 14

CAJ TUNGGU SEDIA PEMUNGGAH KARGO

[Undang-undang kecil 17]

Perihal	Bagi setiap kumpulan bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya (RM)
Pemungga kargo yang ditempah tetapi pemungga kargo itu tidak bekerja melainkan disebabkan oleh hujan	75.00

BAHAGIAN 15

CAJ PENGALIHAN DAN PENEMPATAN SEMULA BAGI KARGO AM DAN PUKAL KERING

[Undang-undang kecil 18]

Butiran	Perihal	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
1	Pengalihan dan penempatan semula kargo pada aras yang sama dalam petak yang sama	6.00
2	Pengalihan dan penempatan semula kargo ke aras yang lain dalam petak yang sama	10.00
3	Pengalihan kargo ke atas dermaga dan penempatan semula kargo ke dalam kapal yang sama	12.00

BAHAGIAN 16

CAJ KARGO PINDAH KAPAL

[Perenggan 19(1)]

Perihal	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
Kargo pindah kapal yang diterima di tempat penyimpanan atau bagi pengiriman semula ke dalam kapal lain	7.30

BAHAGIAN 17

CAJ PENUMPANG

[Undang-undang kecil 20]

Butiran	Kategori	Bagi setiap orang (RM)
1	Dewasa	6.00
2	Kanak-kanak (12 tahun dan ke bawah)	3.00

BAHAGIAN 18

CAJ KAPAL *ROLL-ON ROLL-OFF*

[Undang-undang kecil 21]

Butiran	Jenis kenderaan	Bagi setiap kenderaan (RM)
1	Motosikal	5.00
2	Kereta, station wagon atau van	26.00
3	Bas, lori dan kenderaan lain yang tidak dinyatakan di atas tetapi tidak melebihi 15 tan	66.00 (66.00 dan dengan tambahan 10.00 bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya)

JADUAL KEDUA

CAJ KENA DIBAYAR OLEH PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

BAHAGIAN 1

CAJ PENGENDALIAN BAGI KARGO AM DAN PUKAL

[Perenggan 18(2) dan Undang-undang kecil 23]

Butiran	Jenis Kargo	Memuat atau memunggah secara terus di dermaga	Memuat atau memunggah melalui tempat penyimpanan
		Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
1	Kargo am yang dipaletkan atau diunitkan	5.00	Tiada
	(a) Penyimpanan di tempat simpanan terbuka	Tiada	10.00
	(b) Penyimpanan di gudang	Tiada	13.00
2	Kargo am dalam drum atau beg	6.00	Tiada
3	Kargo berbahaya		
	(a) Kelas I	15.00	Tiada
	(b) Kelas II	15.00	21.00
	(c) Kelas II	10.00	14.00
4	Bungkusan berat		
	(a) 2.5. tan sehingga 5 tan	7.00	20.00
	(b) Melebihi 5 tan dan sehingga 10 tan	9.00	Tiada
	(c) Melebihi 10 tan dan sehingga 40 tan	11.00	Tiada
	(d) Melebihi 40 tan	15.00	Tiada

Butiran	Jenis Kargo	Memuat atau memunggah secara terus di dermaga	Memuat atau memunggah melalui tempat penyimpanan
		Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
5	Binatang dan ternakan (setiap seekor)		
	(a) Biri-biri dan kambing	2.00	Tiada
	(b) Haiwan lain	8.00	Tiada
6	Kargo pukal kering		
	(a) Kargo dengan ketumpatan melebihi 1 meter padu	12.00	16.00
	(b) Kargo dengan ketumpatan sehingga 1 meter padu	14.00	Tiada
	(c) Kargo skrap	23.00	Tiada
7	Pengendalian kargo pukal kering dengan menggunakan peralatan pelabuhan	14.00	18.00
Butiran	Jenis Kargo	Ke dan dari pemasangan melalui talian paip	Ke dan dari pemasangan melalui talian paip bagi kargo pindah kapal
		Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
8	Kargo cecair secara pukal		
	(a) Bahan kimia, produk petroleum dan lain-lain kargo cecair tidak boleh dimakan	3.50	2.50
	(b) Minyak sawit dan kargo cecair lain yang boleh dimakan	3.00	2.00

BAHAGIAN 2

CAJ SEWAAN KREN PELABUHAN BAGI KARGO AM

[Undang-undang kecil 24]

Perihal	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
Sewaan kren pelabuhan bagi pengendalian kargo am	10.00

BAHAGIAN 3

CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO AM IMPORT DAN PUKAL KERING

[Perenggan 25(a)]

Butiran	Penyimpanan kargo am import dan pukal kering	Kargo disimpan di gudang	Kargo disimpan di tempat penyimpanan terbuka
		Bagi setiap hari bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
1	Hari ke-4 hingga hari ke-14	2.00	1.50
2	Selepas hari ke-14 dan seterusnya	3.00	2.25

BAHAGIAN 4

CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO AM EKSPORT DAN PUKAL KERING

[Perenggan 25(b)]

Penyimpanan kargo am eksport dan pukal kering	Kargo disimpan di gudang	Kargo disimpan di tempat penyimpanan terbuka
	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
Hari ke-15 dan berikutnya bagi setiap 7 hari atau sebahagian daripadanya	3.00	2.25

BAHAGIAN 5

CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO PUKAL KERING IMPORT ATAU EKSPORT

[Perenggan 25(c)]

Butiran	Penyimpanan bagi kargo pukal kering import atau eksport	Kargo disimpan di gudang	Kargo disimpan di tempat penyimpanan terbuka
		Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
1	Hari ke-15 hingga hari ke-21	1.50	1.25
2	Hari ke-22 hingga hari ke-28	2.00	1.50
3	Hari ke-29 hingga hari ke-35	2.50	1.85
4	Hari ke-36 dan berikutnya bagi setiap 7 hari atau sebahagian daripadanya	3.00	2.25

BAHAGIAN 6

CAJ PENYIMPANAN KARGO AM ATAU PUKAL KERING YANG DITINGGALKAN KAPAL

[Perenggan 25(d)]

Jenis kargo	Kargo disimpan di gudang	Kargodisimpan di tempat penyimpanan terbuka
	Setiap 7 hari bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
Kargo am atau pukal kering	3.00	2.25

BAHAGIAN 7

CAJ PENYIMPANAN KARGO AM ATAU KARGO PUKAL KERING PINDAH KAPAL

[Perenggan 25(e)]

Penyimpanan ke atas kargo am dan kargo pukal kering pindah kapal	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
Hari ke-22 dan berikutnya bagi tiap-tiap 7 hari atau sebahagian daripadanya	8.00

JADUAL KETIGA

CAJ AKAUN KAPAL, PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

BAHAGIAN 1

CAJ PENGENDALIAN KONTENA

[Undang-undang kecil 27]

Butiran	Jenis kontena	Kapal menggunakan kren pelabuhan		Kapal menggunakan kren kapal	
		Panjang sehingga 20 kaki (RM)	Panjang melebihi 20 kaki (RM)	Panjang sehingga 20 kaki (RM)	Panjang melebihi 20 kaki (RM)
1	Kontena KMP atau kontena sejuk	250.00	375.00	200.00	300.00
2	Kontena KMK	480.00	720.00	384.00	576.00
3	Kontena kosong	156.00	234.00	125.00	189.00
4	Kontena KMP yang mengandungi barang berbahaya				
	(a) Kelas I	500.00	750.00	400.00	600.00
	(b) Kelas II	375.00	610.00	300.00	488.00
5	Kontena pindah kapal	156.00	234.00	125.00	189.00
6	Kontena DLU	1,250.00	1,375.00	1,200.00	1,300.00

BAHAGIAN 2

CAJ PENGALIHAN DAN PENEMPATAN SEMULA KONTENA

[Undang-undang kecil 28]

Butiran	Pengalihan dan penempatan semula kontena	Kapal menggunakan kren pelabuhan		Kapal menggunakan kren kapal	
		Panjang sehingga 20 kaki (RM)	Panjang melebihi 20 kaki (RM)	Panjang sehingga 20 kaki (RM)	Panjang melebihi 20 kaki (RM)
1	Pengalihan dan penempatan semula kontena di dalam kapal	125.00	188.00	100.00	151.00
2	Pengalihan kontena dengan mendarat di dermaga dan operasi penempatan semula kontena ke dalam kapal	250.00	375.00	200.00	300.00
3	Pengalihan kontena dengan mendarat dan pindah ke tempat penyimpanan dan penempatan semula kontena ke dalam kapal	312.00	468.00	250.00	376.00

BAHAGIAN 3

CAJ BAGI MEMBUKA DAN MENUTUP PETAK

[Undang-undang kecil 29]

Butiran	Perihal	Kapal menggunakan kren Pelabuhan (RM)	Kapal menggunakan kren kapal (RM)
1	Membuka penutup petak, meletakkannya di petak sebelah dan kemudiannya menutup petak	125.00	Tiada
2	Membuka penutup petak, meletakkannya di dermaga dan kemudiannya menutup petak	250.00	200.00

BAHAGIAN 4

CAJ PERGERAKAN TAMBAHAN KONTENA

[Undang-undang kecil 30]

Perihal	Bagi setiap kontena bagi setiap pergerakan	
	Panjang sehingga 20 kaki (RM)	Panjang melebihi 20 kaki (RM)
Pergerakan tambahan kontena	60.00	90.00

BAHAGIAN 5

CAJ PENYIMPANAN KONTENA

[Perenggan 31(1), (3) dan (4)]

Butiran	Bagi setiap kontena bagi setiap hari atau sebahagiannya	Panjang sehingga 20 kaki (RM)	Panjang melebihi 20 kaki (RM)
1	KMP, KMK dan kontena sejuk	4.00	6.00
2	Kontena kosong	3.00	4.00
3	Kontena DLU	20.00	30.00

BAHAGIAN 6

CAJ KONTENA EKSPORT DITINGGALKAN KAPAL

[Undang-undang kecil 32]

Perihal	Panjang sehingga 20 kaki (RM)	Panjang melebihi 20 kaki (RM)
Bagi setiap kontena eksport ditinggalkan kapal	156.00	234.00

BAHAGIAN 7

CAJ PENUKARAN STATUS KONTENA ATAU KAPAL

[Undang-undang kecil 33]

Bagi setiap kontena atau setiap kapal	Panjang sehingga 20 kaki (RM)	Panjang melebihi 20 kaki (RM)
Penukaran status	60.00	90.00

BAHAGIAN 8

CAJ PERKHIDMATAN KONTENA SEJUK

[Undang-undang kecil 34]

Butiran	Perihal	Bagi setiap kontena (RM)
1	Menyambung dan menanggalkan palam kontena sejuk di tempat penyimpanan kontena sejuk	30.00
2	Perkhidmatan pemantauan di tempat penyimpanan kontena sejuk termasuk penggunaan elektrik (setiap syif)	85.00

BAHAGIAN 9

CAJ KONTENA LEWAT MEMASUKI PINTU PELABUHAN

[Undang-undang kecil 35]

Bagi setiap kontena	Panjang sehingga 20 kaki (RM)	Panjang melebihi 20 kaki (RM)
Penghantaran kontena kurang daripada empat jam	180.00	270.00

BAHAGIAN 10

CAJ PERMINTAAN BAGI PERKHIDMATAN PENGISIAN ATAU
PENGELUARAN SEGERA KONTENA

[Undang-undang kecil 36]

Bagi setiap kontena	Panjang sehingga 20 kaki (RM)	Panjang melebihi 20 kaki (RM)
Permintaan pengisian atau pengeluaran kurang daripada dua puluh empat jam	100.00	150.00

JADUAL KEEMPAT

CAJ AM

BAHAGIAN 1

CAJ BEKALAN AIR

[Undang-undang kecil 38]

Butiran	Perihal	(RM)
1	Bagi sepuluh tan yang pertama atau sebahagian daripadanya	120.00 (120.00 dan dengan tambahan 12.00 bagi setiap tan dan sebahagian daripadanya)
2	Permintaan bekalan air kurang daripada dua belas jam	60.00
3	Pembatalan bekalan air kurang daripada empat jam	60.00

BAHAGIAN 2
CAJ JAMBATAN TIMBANG
[Perenggan 39(1)]

Perihal	(RM)
Tiap-tiap kenderaan atau jentera	15.00

Dibuat 7 Mac 2023
[LPKtn/427-KK(S)/01/2/2 Jld 6; PN(PU2)175/Jld. 6]

Y.A.M TAN SRI TENGKU AZLAN IBNI SULTAN ABU BAKAR
Pengerusi
Lembaga Pelabuhan Kuantan

Diluluskan 9 Mac 2023
[MOT.BM(S).600-1/7/8 Jld 2; PN(PU2)175/Jld. 6]

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

